

TEKS UCAPAN

YBHG. PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH

NAIB CANSOLOR

**SEMPENA MAJLIS MERAIKAN DAN PENYERAHAN SURAT
TAWARAN KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH BIL. 1 TAHUN 2017**

(6 FEBRUARI 2017: 12.00 TGH/ GALERI MAJLIS)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahiwabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Eco Campus

**Yang Berusaha En. No'man Datuk Hj. Ahmad,
Pendaftar**

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Ketua-Ketua Jabatan

**Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih Kenaikan
Pangkat Kakitangan Pentadbiran (Kumpulan
Pelaksana)**

**Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang
diraikan pada hari ini.**

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita masih berpeluang untuk sama-sama berkumpul bagi meraikan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kenaikan Pangkat Kakitangan UMS Bagi Kumpulan Pelaksana Bil. 1 bagi tahun ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada hadirin-hadirat sekalian atas komitmen untuk sama-sama hadir ke majlis pada hari ini.

Majlis ini merupakan majlis khas yang diadakan bagi meraikan dan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang telah disahkan kenaikan pangkat berkuatkuasa pada 1 Februari 2017.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya selaku Naib Canselor ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 49 orang kakitangan yang telah dinaikkan pangkat dari pelbagai gred dan skim perkhidmatan.

Majlis pada hari ini yang pertama diadakan pada tahun ini dengan ekseseis telah diadakan pada bulan Disember 2016 yang lepas. Walaupun kita berada dalam situasi yang digalakkan untuk berjimat cermat, namun pada saya sesi seperti ini tidak harus diketepikan. Kita masih boleh mengadakannya dalam keadaan yang meriah tetapi menggunakan kos yang paling minimum.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Walaupun kedudukan kewangan Universiti semasa agak kompleks, eksekutif kenaikan pangkat kakitangan UMS akan tetap diteruskan dari semasa ke semasa dan tidak akan menjejaskan pembangunan kerjaya kakitangan yang benar-benar cemerlang dan berkelayakan. Justeru, saya berharap agar kakitangan yang dinaikkan pangkat akan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Universiti. Jadilah seorang kakitangan yang mempunyai integriti yang tinggi,

penuh bertanggungjawab dan sentiasa berusaha untuk melaksanakan tugas dengan sepenuh hati. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus berusaha dan sesungguhnya pengiktirafan pada hari ini adalah hasil daripada usaha gigih yang telah ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang berkhidmat di UMS. Saya menyeru agar usaha murni ini dilipatgandakan, malah terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang demi untuk membawa universiti ini untuk terus maju ke hadapan. Adalah menjadi harapan saya juga agar

tuan-tuan dan puan-puan yang berada di hadapan saya bergerak seiring dengan saya untuk kita sama-sama berkhidmat demi mencapai visi dan misi universiti.

Hadirin hadirat sekalian,

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kepada para penerima. Tidak lupa kepada Jabatan Pendaftar selaku urusetia bagi eksesais kenaikan pangkat dan

semua Ahli Jawatankuasa Pemilih mahupun Jawatankuasa Tapisan yang telah menjalankan tanggungjawab dan amanah dalam memastikan proses kenaikan pangkat kakitangan berjalan dengan lancar. Bagi kakitangan yang telah dinaikkan pangkat, adalah diharapkan sekali lagi agar tuan-tuan dan puan-puan menjadikan pengiktirafan ini sebagai satu suntikan semangat untuk terus berusaha dengan gigih dan cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.